

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

 Sinopsis  Arahan

- 1 Keputusan bagi pemenang kuiz teka silang kata akan disiarkan dalam surat khabar pada setiap hari Ahad.
 - A Pada setiap hari Ahad, kuiz teka silang kata akan diadakan dan pemenangnya akan disiarkan dalam surat khabar.
 - B Pemenang bagi kuiz teka silang kata dapat diketahui melalui keputusan yang akan disiarkan dalam surat khabar pada setiap hari Ahad.
 - C Pemenang dalam surat khabar akan mengetahui keputusan bagi kuiz teka silang kata pada setiap hari Ahad.
 - D Pada setiap hari Ahad, keputusan bagi pemenang kuiz teka silang kata akan diumumkan oleh pihak surat khabar.
- 2 Tuan Razman menggaji beberapa orang pekerja untuk membersihkan kebunnya.
 - A Beberapa orang pekerja diberikan gaji oleh Tuan Razman untuk membersihkan kebunnya.
 - B Kebunnya dibersihkan oleh beberapa orang gaji yang dibayar oleh Tuan Razman.
 - C Tuan Razman mengupah beberapa orang gaji untuk membersihkan kebunnya.
 - D Para pekerja itu memperoleh gaji setelah membersihkan kebun milik Tuan Razman.
- 3 “Saya pergi ke Terengganu bukan untuk makan angin tetapi untuk membuat penyelidikan,” kata Leong kepada Haris.
 - A Leong mengatakan kepada Haris bahawa dia pergi ke Terengganu untuk makan angin bukan untuk membuat penyelidikan.
 - B Leong dan Haris pergi ke Terengganu untuk membuat penyelidikan bukan untuk makan angin.
 - C Leong mengatakan kepada Haris bahawa dia pergi ke Terengganu untuk makan angin sekali gus membuat penyelidikan.
 - D Leong mengatakan kepada Haris bahawa dia pergi ke Terengganu untuk membuat penyelidikan bukan untuk makan angin.
- 4 Kami sekeluarga akan menjemput abang di stesen kereta api pada pukul 3:00 petang.
 - A Kami sekeluarga akan berjumpa dengan abang di stesen kereta api pada pukul 3:00 petang.
 - B Pada pukul 3:00 petang, abang akan kami sekeluarga jemput di stesen kereta api.
 - C Abang akan tiba di stesen kereta api pada pukul 3:00 petang untuk bertemu dengan kami sekeluarga.
 - D Kami sekeluarga akan menghantar abang ke stesen kereta api pada pukul 3:00 petang.
- 5 Sekumpulan murid yang merayau-rayau di pusat beli-belah semasa sesi persekolahan telah dikenakan tindakan disiplin.
 - A Tindakan disiplin dikenakan terhadap mana-mana murid yang merayau-rayau di pusat beli-belah semasa sesi persekolahan.
 - B Pusat beli-belah tidak sepatutnya dijadikan tempat untuk merayau-rayau oleh murid-murid.
 - C Tindakan disiplin telah dikenakan terhadap sekumpulan murid yang merayau-rayau di pusat beli-belah semasa sesi persekolahan.
 - D Murid-murid dilarang untuk merayau-rayau di pusat beli-belah semasa sesi persekolahan supaya tidak dikenakan tindakan disiplin.
- 6 Pakaian yang sedang diperagakan oleh peragawati di atas pentas itu merupakan rekaan mahasiswa universiti.
 - A Pakaian yang direka oleh mahasiswa universiti sedang diperagakan oleh peragawati di atas pentas itu.
 - B Pakaian mahasiswa universiti sedang diperagakan oleh peragawati di atas pentas itu.
 - C Peragawati sedang menunjukkan pakaian di atas pentas itu yang direka oleh mahasiswa universiti.
 - D Mahasiswa universiti mereka pakaian di atas pentas untuk diperagakan oleh peragawati itu.

- 7 Selepas kematian kedua-dua ibu bapa mereka, Harrazlah yang menggalas tanggungjawab untuk menjaga adik-adiknya.
- A Harraz perlu bertanggungjawab terhadap adik-adiknya selepas kematian kedua-dua ibu bapa mereka.
 - B Selepas kematian kedua-dua ibu bapa mereka, adik-adik Harraz sentiasa berada di bawah jagaannya.
 - C Tanggungjawab untuk menjaga adik-adiknya digalas oleh Harraz selepas kematian kedua-dua ibu bapa mereka.
 - D Harraz harus bertanggungjawab untuk menafkahi adik-adiknya selepas kematian kedua-dua ibu bapa mereka.
- 8 Rakan-rakan Miasarah memujinya kerana dia pandai memilih pakaian yang mengikut peredaran zaman.
- A “Eh, cantiknya pakaian awak dan selalu mengikut peredaran zaman!” kata rakan-rakan Miasarah.
 - B “Alahai, pakaian awak ini sentiasa mengikut peredaran zaman!” kata rakan-rakan Miasarah.
 - C “Amboi, semua pakaian awak mengikuti fesyen pakaian masa ini!” puji rakan-rakan Miasarah.
 - D “Wah, pandainya awak memilih pakaian yang mengikut peredaran zaman!” kata rakan-rakan Miasarah memujinya.
- 9 Encik Deven dan keluarganya akan kembali ke Malaysia dan menetap di negara ini dalam masa tiga tahun lagi.
- A Dalam masa tiga tahun lagi, Encik Deven dan keluarganya akan pulang ke Malaysia dan tinggal di negara ini.
 - B Encik Deven sekeluarga bercadang untuk pergi ke Malaysia dan menetap di sana selama tiga tahun.
 - C Sudah tiga tahun Encik Deven dan keluarganya tidak pulang ke Malaysia.
 - D Encik Deven dan keluarganya mengambil masa selama tiga tahun untuk memutuskan sama ada mahu kembali ke Malaysia atau tidak.
- 10 Walaupun dia pekerja baharu, namun dia dapat melakukannya kerja yang susah itu dengan baiknya.
- A Kerja yang susah itu dapat dilakukannya dengan baiknya walaupun dia pekerja baharu.
 - B Bagi pekerja baharu itu, kerja susah yang dilakukannya cukup baik.
 - C Pekerja baharu itu diarahkan untuk membuat kerja-kerja yang susah itu dengan baiknya.
 - D Kerja yang dia lakukan tidak mungkin dapat diselesaikan oleh pekerja baharu kerana terlalu susah.
- 11 Rancangan menaik taraf kawasan pelancongan itu dibuat untuk menghidupkan kembali sektor ekonomi di kawasan itu.
- A Kawasan pelancongan yang telah dinaik taraf itu dapat meningkatkan semula sektor ekonomi di kawasan itu.
 - B Untuk merancakkan semula sektor ekonomi di kawasan pelancongan itu, rancangan menaik taraf kawasan itu dibuat.
 - C Untuk memperkenalkan kawasan pelancongan itu, sektor ekonomi di kawasan itu perlu dinaik taraf.
 - D Kerja-kerja menaik taraf ekonomi di kawasan itu dapat merancakkan semula sektor pelancongan di sana.
- 12 Dengan berbekalkan pengetahuannya dalam bidang pemasaran, Tasnim memajukan perniagaan ayahnya yang semakin merosot.
- A Untuk memajukan perniagaan ayahnya yang semakin merosot, Tasnim sanggup menceburi bidang pemasaran.
 - B Walaupun perniagaan ayahnya semakin merosot, Tasnim percaya bahawa pengetahuannya dalam bidang pemasaran dapat memajukan perniagaan itu semula.
 - C Tasnim menggunakan pengetahuannya dalam bidang pemasaran untuk memajukan perniagaan ayahnya yang semakin merosot.
 - D Tasnim memajukan perniagaan ayahnya yang semakin merosot kerana dia dibekalkan oleh pengetahuan dalam bidang pemasaran.